

30 JUL 1997

Marina-Aids

MAJIKAN DIMINTA SEDIAKAN PROGRAM AIDS MENYELURUH

SHAH ALAM, 30 Julai (Bernama) -- Majikan diminta menyediakan program pendidikan AIDS secara menyeluruh untuk diikuti pekerjanya supaya mereka lebih memahami segala aspek berhubung penyakit itu.

Presiden Persatuan AIDS Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir berkata yang penting adalah semua pekerja merasa selamat dan tidak perlu merasa takut sekiranya pelbagai langkah pencegahan telah diambil.

Beliau berkata program-program itu merupakan satu daripada langkah pencegahan yang boleh diambil majikan dan bukannya hanya bergantung kepada kempen kerajaan atau pertubuhan tertentu.

"Bekerja dengan pesakit itu tidak berbahaya kecuali dalam bidang tertentu seperti di hospital atau makmal perubatan," katanya dalam sidang berita selepas merasmikan sesi Dialog AIDS di Tempat Kerja, di Pusat Kajian Perniagaan dan Pengurusan Institut Teknologi Mara (ITM) di sini, hari ini.

Beberapa syarikat multi-nasional sudah memperkenalkan program seperti itu kepada pekerja mereka dengan kerjasama Yayasan Aids Malaysia yang menyediakan bahan untuk program latihan dan pendidikan itu, katanya.

Marina berkata, Yayasan itu telah mengadakan perbincangan dengan lapan syarikat yang sedia mengendalikan program AIDS sendiri kepada pekerja mereka dengan kerjasama Persatuan AIDS Malaysia.

Beliau berkata dengan mengadakan perbincangan serta program pendidikan, pihak pengurusan akan mengetahui dengan lebih terperinci mengenai penyakit itu dan cara berurusan dengan pekerja yang dijangkiti.

Majikan tidak seharusnya menangani masalah pekerja yang berpenyakit itu dengan membuang mereka tetapi sebaliknya mencari alternatif seperti menukarkan mereka ke bahagian lain yang tidak membahayakan, katanya.

"Kita akan berusaha membantu pekerja dengan penyakit itu yang dikenakan tindakan majikan walaupun undang-undang mengenainya belum dicuba di negara ini," katanya.

Menurut beliau, kempen kesedaran di kalangan orang ramai boleh dikatakan berjaya setelah ramai menyedari mengenai bahaya penyakit AIDS, namun daripada segi pendidikan dan pemahaman berhubung penyakit itu, ia boleh dianggap gagal.

Beliau berkata, ini kerana orang ramai masih beranggapan mereka tidak mungkin dijangkiti penyakit itu dan kebanyakan meragui malah takut menerima pesakit AIDS dalam masyarakat. -- BERNAMA

AZH NN PR